

Headline	GLC diajak contohi usaha bantu rakyat miskin		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	21 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Page No	9
ArticleSize	149 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,536		



GLC diajak contohi usaha bantu rakyat miskin

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad yang menyempurnakan majlis penyerahan rumah itu mengajak syarikat berkaitan kerajaan (GLC) lain untuk turut sama mencontohi usaha Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu.

“Program ini daripada wang zakat, maka penerimanya adalah orang Islam. Kementerian berpuas hati dan berbangga dengan program dilaksanakan.

“Hak milik rumah di bawah

program ini akan dipindahkan kepada penerima terpilih dalam kalangan penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedia ada, tanpa sebarang bayaran dengan syarat, unit berkenaan tidak boleh dijual kepada pihak ketiga tetapi boleh diwariskan kepada anak atau waris terdekat,” katanya.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman

berkata, sudah beberapa tahun TNB bekerjasama dengan DBKL dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk program berkenaan.

“Program ini meliputi seluruh tanah air dan untuk tahun ini kita ada 167 rumah tetapi penerima paling ramai di Wilayah Persekutuan.

Mengulas bayaran zakat korporat oleh TNB itu katanya, bagi Wilayah Persekutuan TNB membayar zakat kepada Pusat Pungu-

tan Zakat (PPZ) sebanyak RM6 juta untuk tahun 2017.

Katanya, daripada jumlah itu, RM3.1 juta digunakan untuk membeli sebanyak 60 rumah PPR, selain dua buah rumah yang akan dibina, dengan kos RM50,000 setiap rumah.

“TNB berharap, usaha ini memberi kegembiraan kepada penerima dan memberi kelegaan serta penyelesaian kepada mereka kerana tidak perlu lagi memikirkan bayaran rumah,” katanya.